



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 23

RABU 4 DESEMBER, 1963.

رابعو 18 رجب 1383

PERCHUMA

PERUNDINGAN MENGENAI BERAS ANTARA KERAJAAN BRUNEI
DENGAN KERAJAAN THAI BERHASIL

KERAJAAN THAI BERSETUJU

**Pemangku Pengarah
Siaran Radio Dan
Penerangan Brunei**

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir telah di-lantek memangku jawatan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei buat sementara waktu mulai dari 1 Desember, 1963.



Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir

Beliau ia-lah sa-orang Ahli Rasmi, Majlis Meshuarat Negeri Brunei.

Yang Berhormat Inche Salleh Kadir telah mulai berkhidmat dengan Kerajaan Brunei 17 tahun dahulu.

Beliau telah di-lantek menjadi Penolong Pegawai Penerangan, Brunei pada 1 February, 1957.

Yang Berhormat Inche Salleh Kadir telah berangkat ka-England untuk menghadhiri Kursus Penadbiran Awam dan Kemasharakatan di-Devon, Torquay, England selama satu tahun mulai dari bulan September tahun 1960.

Beliau telah di-lantek menjadi Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei pada 1 January, 1962 ia-itu pada tarikh Jabatan Siaran Radio Brunei dan Jabatan Penerangan Brunei di-satukan sa-bagai Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

**Membekalkan Antara 6,000—8,000 Tan
Beras Ka-Brunei Pada Tiap2 Tahun**

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un berkata pada hari Rabu yang lalu bahawa Wakil2 Kerajaan Brunei yang telah berangkat ka-Bangkok baharu2 ini untuk membuat peratoran dengan pihak yang berkuasa Kerajaan Thailand bagi mendapatkan satu perbekalan khas beras pada tiap2 tahun untuk Negeri Brunei, telah berhasil membuat satu perjanjian dengan Kerajaan Thailand mengenai perbekalan beras itu ka-Negeri Brunei.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah membuat kenyataan tersebut sa-lepas beliau tiba di-Brunei dari Bangkok pada petang hari Rabu 27 November, 1963.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah berangkat ka-Bangkok dengan kapal terbang dari Brunei pada petang hari Juma'at 15 November. Beliau telah di-iringi oleh Pengawal Jabatan Perbekalan Negeri Brunei, Inche J. S. Clark dan Inche Isa bin Haji Ibrahim dari Jabatan Kehakiman, Negeri Brunei.

Kerajaan Brunei telah mengambil peranan sa-bagai pembawa masuk beras ka-negeri ini ia-lah supaya ra'ayat negeri ini akan sentiasa menerima perbekalan beras itu.

Menurut keterangan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal, Kerajaan Thailand telah bersetuju membekalkan dan mengirimkan beras Kelas 'A' ka-Brunei sa-banyak 6,000 tan sah-tahun sa-kurang2-nya dan tidak lebih dari 8,000 tan beras sah-tahun.

Sa-banyak tidak kurang dari 1,000 tan beras tersebut akan sampai di-Brunei dari Bangkok pada tiap2 dua bulan sekali.

Kerajaan Brunei juga telah melantek The Nikorn Rice Company Limited, Bangkok sa-bagai Wakil untuk membeli dan mengirimkan beras tersebut ka-Brunei.

Sa-lain dari membuat perjanjian beras dengan Kerajaan Thai-

land, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah berjumpa dengan Setia Usaha, Surohanjaya Perekonomian Untok Asia dan Timor Jauh (ECAFE), U Nyun di-Bangkok.

Dalam perjumpaan tersebut mereka telah membincangkan perkara2 mengenai bantuan ECAFE terhadap pembinaan jalan raya di-Negeri Brunei.

Pertubuhan ECAFE, kata Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal, telah bersetuju hendak menghantarkan dua orang pakar jalan raya ka-Brunei untuk membantu Kerajaan Brunei berkenaan dengan pembinaan jalan raya di-negeri ini.

LORD HEAD MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan Inggeris untok Malaysia di-Kuala Lumpur, Yang Terutama Lord Head dan isteri-nya telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini.

Lord Head dan isteri telah tiba di-sini dengan kapal terbang dari Kuching pada petang hari Khamis 28 November dan telah berangkat ka-Jesselton dengan kapal terbang pada hari Sabtu yang lalu.

P.J.T. Inggeris Yang Baharu Di-Brunei

LONDON. Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, telah dengan sukacita Baginda bersetuju melantek Inche E. O. Laird sa-bagai Pesuruhjaya Tinggi Inggeris yang baharu di-Brunei. Inche Laird akan menggantikan Inche A. M. Mackintosh dalam bulan ini.



Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un

BERCHUTI DI-TANAH AYER

BERAKAS. — Enam orang penuntut2 Brunei telah kembali ka-Brunei dari Kuala Lumpur pada petang 25 November, 1963 untok berchuti di-Tanah Ayer bersama2 dengan ibu-bapa dan keluarga masing2.

Penuntut2 itu ia-lah sa-orang putera Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, tiga orang putera Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan dua orang putera Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

PEPEREKSAAN2 MENAIP DAN TRENGKAS MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Menaip dan Peperiksaan Trengkas Melayu di-bawah anjoran Trengkas Melayu Institute, Singapura akan di-adakan di-Bandar Brunei dan di-Kuala Belait dalam bulan ini.

PENGARAH B.C. MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Pengarah British Council Bahagian Commonwealth dan Tanah2 Jajahan, Doktor L.R. Philips telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan beliau ka-negeri2 di-kawasan Malaysia dan Brunei.

Dalam satu wawanchara dengan sa-orang Wartawan Jabatan, Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Doktor Philips berkata bahawa tujuan lawatan-nya ka-Negeri Brunei ia-lah untuk mengadakan perundingan dengan Pegawai2 Kerajaan Brunei dan Pegawai2 Sharikat Minyak Shell Brunei berhubung dengan bantuan buku2 bahasa Inggeris yang akan di-hadiahkan oleh British Council untuk bahagian di-Negeri Brunei.

Pada masa lawatan-nya itu, Doktor Philips telah melawat kawasan Kampong Ayer, kawasan Telaga Minyak di-Seria serta ka-lain2 tempat yang indah dan permai di-negeri ini.

Peperiksaan Menaip itu di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu Bahagian Permulaan dan Bahagian Menengah.

Peperiksaan Trengkas Melayu pula di-bahagikan kepada tiga bahagian ia-itu Bahagian Permulaan, Bahagian Menengah dan Bahagian Tertinggi.

Peperiksaan Menaip akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Juma'at 13 Desember mulai pukul 9.30 pagi.

Peperiksaan Trengkas Melayu akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan juga di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada pagi hari Ahad 15 Desember.


Peperiksaan Trengkas Melayu Bahagian Tertinggi akan di-mulai pada pukul 8 pagi hari tersebut, manakala Peperiksaan Trengkas Melayu Bahagian2 Permulaan dan Menengah akan di-mulai pada pukul 10 pagi.

Chalun2 menaip hendak-lah membawa jentera taip masing2 ka-da'am Bilek Peperiksaan sa-tengah jam sa-belum peperiksaan di-jalankan.

Chalun2 Trengkas di-minta hadir di-Bilek Peperiksaan 15 minit sa-belum peperiksaan di-jalankan.



Gambar atas : Penolong Pesuruhjaya Pengakap2 Daerah Brunei, Inche Shahbuddin bin Saleh sedang memeriksa Barisan Kehormatan Pengakap2 Sekolah Melayu S.M.J.A. Bahagian Murid2 pada petang 22 November. Gambar bawah : Inche Shahbuddin sedang menyampaikan Lenchana Tenderfoot kepada sa-orang Pengakap Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang 22 November.



PENGAKAP2 SEKOLAH MELAYU S.M.J.A. MENDAPAT LENCHANA2 TENDERFOOT

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis menyampaikan Lenchana2 Tenderfoot kepada tiga puluh orang Pengakap2 dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei, Bahagian Murid2 telah di-adakan di-kawasan bangunan sementara sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Juma'at 22 November, 1963.

Lenchana2 Tenderfoot itu telah di-sampaikan kepada Pengakap2 yang berkenaan oleh Penolong Pesuruhjaya Pengakap2 Daerah Brunei, Inche Shahbuddin bin Saleh.

Inche Shahbuddin telah memeriksa satu Barisan Kehormatan terdiri dari Pengakap2 Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam pada masa beliau tiba di-majlis tersebut.

Guru Pengakap Pengiran Tajuddin dan Guru Pengakap Inche Mohamed Yassin telah memimpin majlis itu.

Satelah Inche Shahbuddin menyampaikan Lenchana2 Tenderfoot tersebut, Guru Pengakap Pengiran Tajuddin telah mengucapkan berbilang2 terima kasih atas kesudian Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei, Inche Shahbuddin hadir di-majlis tersebut serta menyampaikan Lenchana2 Tenderfoot kepada Pengakap2 dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam Bahagian Murid2 yang telah lulus peperiksaan untuk memperolehi lenchana2 itu.

Guru Pengakap Pengiran Tajuddin telah menyeru kepada Pengakap2 dari pasukan tersebut yang belum lagi memperolehi

Lenchana2 Tenderfoot supaya mereka belajar dengan bersungguh2 untuk memperolehi lenchana2 itu pada masa hadapan kelak.

PEPEREKSAAN BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Seramai 632 orang bukan Melayu yang menghadiri Darjah2 Dewasa orang2 yang bukan Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan memasuki peperiksaan Bahasa Melayu sa-lama tiga hari mulai daripada hari Isnin 16 Desember.

Peperiksaan tersebut akan di-adakan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei; Sekolah Chung Hwa, Tutong; Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria dan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Peperiksaan Bacaan dan So'al Jawab Mulut telah di-adakan sa-lama tiga hari mulai daripada 25 November yang lalu.

Penuntut2 yang akan memasuki peperiksaan tersebut ada-lah mengandungi 261 orang wanita dan 371 orang lelaki.

Menghadhiri Persidangan Lembaga Kewangan

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah berlepas ka-Kuala Lumpur dari Brunei dengan kapal terbang pada petang hari Juma'at 22 Desember untuk menghadiri Persidangan Lembaga Kewangan.

Persidangan tersebut telah di-adakan di-Kuala Lumpur pada hari Sabtu 23 Desember.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah di-iringi oleh Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Idris Talog Davies.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah mengetuai rombongan Perwakilan Negeri Brunei ka-Persidangan Lembaga Kewangan tersebut.

Beliau telah tiba di-Kuala Lumpur dari Bangkok, ibu kota Thailand sa-lepas mengadakan perundingan dengan pihak yang berkuasa Kerajaan Thailand di-Bangkok mengenai pengiriman bekalan beras dari Thailand ka-Brunei.

Sementara itu, Pegawai Kewangan Negeri Brunei, Yang Berhormat Inche John Lee telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Khamis 21 November untuk

menyertai Persidangan Kewangan tersebut bersama2 dengan para perwakilan dari Negeri Brunei.

Perkhemahan Pengakap2

BANDAR BRUNEI. — Satu Perkhemahan Pengakap2 Sa-Negeri Brunei akan di-adakan di-Jalan Gadong sa-lama tiga hari mulai dari hari Juma'at 13 Desember.

Pengakap2 yang hadir di-perkhemahan tersebut akan mengambil bahagian dalam berbagai2 jenis pertandingan di-antara-nya ia-lah pertandingan untuk merebutkan Perisai Mackintosh.

Satu temasha "Camp Fire" akan di-adakan di-Perkhemahan tersebut pada 14 Desember mulai pada pukul 7.30 malam.

KERAJAAN BRUNEI SANGAT-LAH MENYESALI BERITA2 FALSU

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei sangat-lah menyesali berita2 yang di-siarkan oleh beberapa buah akhbar2 Inggeris dan China di-luar negeri bahawa beberapa tangkapan yang baharu terdapat anasir2 gerakan "bawah tanah" telah di-lakukan oleh pihak Polis dalam Negeri Brunei.

Sharahan2 Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei akan melawat ka-beberapa tempat dalam Negeri Brunei pada bulan ini untuk memberikan sharahan2 berkenaan dengan Ugama Islam.

Tarikh, masa dan tempat yang akan di-lawati oleh anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam adalah di-siarkan di-bawah ini:

Hari Juma'at 6 Desember pada pukul 11.30 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari: (a) Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan (b) Masjid Berbunat, Kuala Belait.

Hari Juma'at 13 Desember mulai daripada pukul 11.30 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari: (a) Masjid Batu Marang, Daerah Brunei dan (b) Masjid Keriam, Tutong.

Hari Juma'at 20 Desember mulai daripada pukul 11.30 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari: (a) Masjid Kupang, Batu 15, Jalan Tutong dan (b) Masjid Pekan Bangar, Temburong.

Hari Juma'at 27 Desember mulai daripada pukul 11.30 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari di-Masjid Jerudong dan mulai daripada pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 3.30 petang di-Sekolah Melayu Masin.

Sa-buah akhbar harian China telah menerbitkan satu berita bahawa semenjak lima orang China telah di-tangkap pada 11 November, 1963, enam orang lagi telah di-tangkap dalam negeri ini kerana di-shakki menjalankan gerakan jenis komunis dalam negeri ini.

Berita itu berkata bahawa orang2 itu telah di-tangkap di-ka-

wasan padang minyak Seria.

Berhubung dengan perkara tersebut, sa-orang juruchakap Kerajaan berkata bahawa berita2 yang telah di-siarkan oleh beberapa buah akhbar Inggeris dan China itu mengenai tangkapan lagi oleh pihak Polis Brunei adalah mengelirukan.

Berita itu ada-lah falsu semata2 dan sa-barang tangkapan yang baharu tidak-lah di-buat oleh Polis Brunei semenjak gerakan yang telah di-jalankan pada suboh 11 November yang lalu tatkala lima orang China telah di-tangkap di-Bandar Brunei kerana menjalankan gerakan pro-komunis dalam negeri ini.

Lesen2 Kereta Yang Berakhir Pada 31 Desember Mesti Di-Perbaharui

BANDAR BRUNEI. — Lesen2 kereta yang berakhir pada 31 Desember, 1963 boleh-lah di-perbaharui di-Pejabat2 Pengawal Keenderaan Darat Brunei di-Bandar Brunei atau pun di-Kuala Belait seperti berikut:

Mulai daripada 2 Desember hingga ka-14 Desember: Lesen2 kereta yang berakhir pada 2 Desember.

Engin kereta2 tersebut dan lain2-nya akan di-pereksa terlebih dahulu sa-belum lesen2 baharu di-keluarkan.

Mulai daripada 16 Desember hingga ka-31 Desember: Lesen2 baharu untuk kereta2 yang tidak di-beri sewa.

Kereta2 sademikian yang telah di-gunakan sa-lama tiga tahun atau lebih akan di-pereksa mengenai engin-nya dan lain2 perkasas dalam kereta2 itu sa-belum pihak yang berkenaan mengeluarkan lesen2 yang baharu.

Di-ma'lonkan kapada tuan2

punya kereta2 yang di-daftarkan di-Kuala Belait tetapi pada masa ini mereka telah pindah ke-Kuala Belait.

Mereka boleh-lah menukarkan lesen2 kereta mereka di-Pejabat Keenderaan Darat di-Bandar Brunei, dengan syarat bahawa hendaklah mereka memberi tahu kapada Pengawal jabatan tersebut sa-kurang2 sa-minggu sa-belum mereka membuat permohonan.

Tuan2 punya kereta yang pada masa dahulu tinggal di-Bandar Brunei dan telah mendaftarkan kereta2 mereka di-Bandar Brunei, akan tetapi pada masa ini tinggal di-Kuala Belait ada-lah di-ma'lonkan bahawa mereka boleh-lah membaharui lesen kereta mereka di-Kuala Belait.

Mereka hendak-lah memberi tahu kapada Pengawal Keenderaan Darat, Brunei sa-kurang2 sa-minggu sa-belum mereka membuat permohonan membaharui lesen2 kereta mereka.

CHATETAN: Di-bawah Undang2 Keenderaan Darat Tahun 1954 ada-lah menjadi kesalahan menggunakan kereta2 yang lesen2-nya tidak di-perbaharui pada 1 January.

20 Orang Lagi Pelateh2 Polis Akan Berlateh Di-Kuala Lumpur

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh orang Pelateh2 Polis Brunei akan belayar ka-Singapura melalui Labuan dalam perjalanan mereka ka-Kuala Lumpur sedikit lagi untuk berlateh di-sana.

Demikian menurut keterangan Pemangku Timbalan Pesuruh Jaya Polis Brunei, Pengiran Dato Pahlawan Jaya dalam satu wa-

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Bachaan Al-Koran untuk merebutkan gelaran kejohanan Sa-Negeri Brunei akan di-adakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 18 January, 1964. Demikian telah dipersetujui dalam Meshuarat Jawatan Kuasa Peraduan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei.

Meshuarat itu telah di-adakan di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei pada pagi hari Isnin 25 November, 1963 dan di-pengurusikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Peraduan2 Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah akan di-adakan di-tiap2 daerah dalam Negeri Brunei sa-belum di-langsungkan.

Mententukan kejohanan bagi Sa-Negeri Brunei.

Khari2 dan khariah2 yang berjaya dalam peraduan bachaan Al-Koran di-tiap2 buah daerah akan mewakili daerah masing2 dalam peraduan bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei.

PERBEKALAN AYER YANG LEBEH BAIK

TUTONG. — Sa-banyak 20 buah kampung di-Daerah Tutong akan mendapat bekalan ayer yang lebih baik apabila pembenaan 30 buah perigi siap di-bena dibawah Rancangan Kemajuan Luar Bandar dalam bulan ini.

Perigi2 itu telah di-bena dari semenjak tiga bulan yang lalu akan dapat membekalkan ayer untuk lebih daripada 2,000 orang yang tinggal di-kampung2 di-Daerah Tutong. Demikian menurut keterangan sa-orang juruchakap Pejabat Daerah Tutong kapada sa-orang Wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/Muar, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4 Desember hingga ka-hari Selasa 17 Desember, 1963 ada-lah seperti di-bawah ini:—

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
4	4.42	4.57	12.20	3.39	6.16	7.29
5	4.43	4.58	12.21	3.40	6.16	7.29
6	4.43	4.58	12.21	3.40	6.16	7.29
7	4.44	4.59	12.22	3.41	6.16	7.29
8	4.44	4.59	12.22	3.41	6.16	7.29
9	4.45	5.00	12.23	3.42	6.17	7.30
10	4.45	5.00	12.23	3.42	6.17	7.30
11	4.45	5.00	12.23	3.42	6.17	7.30
12	4.46	5.01	12.24	3.43	6.17	7.30
13	4.46	5.01	12.24	3.43	6.17	7.30
14	4.46	5.01	12.25	3.43	6.17	7.30
15	4.46	5.01	12.25	3.44	6.18	7.31
16	4.47	5.02	12.26	3.45	6.18	7.31
17	4.47	5.02	12.27	3.46	6.19	7.32

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-Seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.40 tengah hari.

MAULANA AL-HAJ MOHAMED MEERAN MENGADAP MAULANA AL-SULTAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang 'ulama dari India, Maulana Al-Haj Mohamed Meeran Ansari, Mahaguru Maktab Bahasa Arab, Al-Bakiat Al-Salihah, Madras, India Selatan telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama delapan hari baharu2 ini.

Dalam masa lawatan-nya itu ka-negeri ini, Maulana Al-Haj Mohamed Meeran Ansari telah mengadap Kabawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana 'Al-Sultan di-Istana Darul Hana dan telah memberikan cheramah mengenai Ugama Islam di-Daerah2 Brunei, Tutong, Belait dan Temburong.

Beliau telah bercheramah di-Masjid Pekan Tutong pada petang hari Khamis 21 November.

Pada tengah hari Juma'at 22 November, beliau telah memberikan cheramah-nya di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, ia-itu sa-baik sahaja selepas upacara Sembahyang Juma'at.

Maulana Al-Haj Mohamed Meeran Ansari telah berangkat

ka-Kuala Belait pada hari Sabtu 23 November dan pada malam itu beliau telah bercheramah di-



Maulana Al-Haj Mohamed Meeran Ansari (berdiri di-sa-belah kiri) kelihatan dalam gambar ini sedang bercheramah di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada tengah hari Juma'at 22 November. Beliau telah bercheramah dalam Bahasa Arab dan di-terjemahkan ka-dalam Bahasa Melayu oleh Ustaz Abdul Latif bin Haji Hashim (berdiri di-sa-belah kanan) dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

IKRAR PARTY PERIKATAN RAKYAT

BANDAR BRUNEI. — Party Perikatan Rakyat Brunei telah berikrar berdiri tegoh dan tetap menyokong Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei dalam sikap-nya tidak memasuki Malaysia.

Kenyataan tersebut telah dibuat oleh Yang Di-Pertua Party tersebut Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar dalam satu siaran akhbar-nya.

Beliau menegaskan dan menyerukan supaya Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menuntut kemerdekaan penuh bagi Brunei sendiri.

Sementara itu sa-orang juru chakap Kerajaan menjelaskan keputusan yang di-ambil oleh Kerajaan Brunei buat masa ini tidak-lah baik buat Brunei bergabung dengan mana2 negeri, ada-lah sa-mata2 bagi kepentingan negara dan rakyat Brunei, dan rakyat mesti-lah menyedari hal ini dengan penuh rasa tanggung jawab yang mesti di-tumpukan kepada bangsa dan negara Brunei.

Sharikat Minyak Hadiah Pembesar Suara

KAMPONG PENGKALAN BATU. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria akan meng-hadiahkan alat2 pembesar suara kepada Masjid Kampung Pengkalan Batu, Brunei pada pagi hari Juma'at 6 Desember.

Alat2 pembesar suara itu akan di-sampaikan oleh Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Inche P.A. Coates kepada Masjid tersebut.

MOHAMED

Masjid Kuala Belait.

Pada pagi hari Selasa 26 November beliau telah memberikan cheramah-nya di-Pekan Bangar, Temburong.

Cheramah2-nya itu telah di-lafadzkan dalam Bahasa Arab dan di-terjemahkan ka-dalam Bahasa Melayu oleh Ustaz Abdul Latif bin Haji Hashim Pegawai Penterjemah di-Pejabat Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

Presiden Kennedy Di-Tembak Mati

WASHINGTON. — Presiden Amerika Sharikat John F. Kennedy telah di-tembak mati oleh sa-orang pembunuh di-Dallas, Texas dalam perjalanan-nya dengan sa-buah kereta yang tidak berbumbong pada 22 November, 1963.

Pada masa berlaku kejadian yang sedih itu, Presiden Kennedy berada bersama2 dengan isteri-nya, Puan Jacqueline Kennedy.

Presiden Kennedy berumur 46 tahun telah memegang jawatan Presiden Amerika Sharikat selama dua tahun sepuluh bulan.

Sa-lepas berlaku kejadian tersebut, Presiden Kennedy telah di-kejarkan ka-Rumah Sa1 dan telah menghembuskan nafasnya yang terakhir 25 minit kemudian dalam keadaan maseh-pengan.

Gabnor Texas, Inche John Conally yang juga berada dalam kereta yang di-naiki oleh Presiden Kennedy telah di-tembak pada masa tersebut.

Naib Presiden Amerika Sharikat Lyndon B. Johnson telah mengangkat sumpah sa-bagai Presiden Amerika Sharikat yang baharu.

BRUNEI BERSEDIH

Sementara itu, Negeri Brunei, sa-bagai mana beberapa buah negeri yang lain di-dunia ini, telah sedih terhadap kematian Presiden Kennedy.

Bendera2 Negeri Brunei telah di-kibarkan sa-paroh tiang p. hari Isnin 25 November, ia-itu hari yang mayat bekas Presiden Amerika Sharikat itu di-kebumikan.

MENJALANI KURSUS PEMULEHAN

BUNUT. — Seramai 49 orang tahanan dari Khemah Tahanan di-Berakas telah di-pindahkan ka-Pusat Pemulehan Sa-mula di-Bunut pada petang hari Selasa 26 November, 1963 untuk menjalani kursus pemulehan sa-lama sepuluh hari sa-belum mereka di-bebaskan.

Mereka ada-lah dari kumpolan yang ka-19 orang2 tahanan yang telah di-pindahkan dari Khemah Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulehan Sa-Mula Bunut.

Hingga ka-hari ini seramai 1,044 orang tahanan telah di-pindahkan dari Khemah Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulehan Sa-Mula Bunut untuk menjalani kursus tersebut.

Kursus itu, antara-nya mengan-dongi sharahan2 mengenai pen-tadbiran Kerajaan, hal ehwal mengenai Ugama Islam, bahaya faham komunis dan lain2-nya.

DERMA UNTUK ASKAR2 YANG BERKHIDMAT DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Hari Krismas akan tiba tidak berapa lama lagi. Akan tetapi, banyak Askar2 dari luar negeri yang telah tiba di-Negeri Brunei untuk membantukan negeri ini pada masa kechemasan akan menyambut Hari Krismas itu di-hutan atau pun di-lain2 tempat yang jauh dari rumah mereka.

Maka dengan memikirkan hal yang sademikian, sa-buah Jawatan Kuasa Derma untuk memberikan pertolongan berupa wang, barang2 makan dalam tin, buku2 dan sa-bagai-nya kepada para-

jurit2 tersebut telah di-bentok di-Bandar Brunei baharu2 ini.

Jawatan Kuasa itu ada-lah dipimpin oleh Yang Berhormat Inche R. D. Ross sa-bagai Pen-gurusi-nya.

Orang ramai yang berhajat hendak menghadihkan wang, barang2 makan dalam tin, buku2 dan sa-bagai-nya ada-lah di-jemput menghantarkan hadiah2 dengan sa-besarnya kepada Pengurusi, Jawatan Kuasa Derma Krismas Askar2, d/a Borneo Company Limited, Bandar Brunei.

Pengumuman Jabatan Ugama

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei akan memberikan peluang kepada 10 orang lagi yang berhajat hendak menunaikan Fardhu Haji pada tahun hadapan, akan tetapi mereka belum lagi mendaftarkan nama masing2.

Perkara tersebut ada-lah di-sebabkan 10 orang yang telah mendaftarkan nama mereka tidak dapat menunaikan Fardhu Haji pada tahun hadapan.

Pas2 Haji yang di-kosongkan itu ada-lah saperti di-bawah ini :

Kelas Saloon 'B' untuk pelayaran Kapal Haji yang pertama—1 Pas Haji.

Kelas Saloon 'A' untuk pelayaran Kapal Haji yang kedua—5 Pas Haji.

Kelas Pelanchong untuk pelayaran Kapal Haji yang ketiga—4 Pas Haji.

Orang ramai di-Negeri Brunei yang berhajat hendak menunaikan Fardhu Haji dengan menaiki Kapal2 Haji, sa-bagai mana tersebut ada-lah di-minta mendaftarkan nama masing2 di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei tidak lewat dari 19 Desember, 1963.

Timbalan Menteri Besar Brunei

MERASMIKAN PEMBUKAAN PAIP2 BEKALAN AYER

KAMPONG SUNGAI TERABAN. — Timbalan Menteri Besar, Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah merasmikan pembukaan paip2 bekalan ayer di-Kampung Sungai Teraban Daerah Belait pada pagi hari Isnin 2 Desember.

PENGELOLA RANCHANGAN MELAYU B. B. C. MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Inche Stuart Sim, Pengelola Ranchangan Melayu di-British Broadcasting Corporation, London telah tiba di-Brunei dari Kuching pada petang 30 November yang lalu. Beliau telah di-sambut di-Lapangan Terbang Brunei oleh Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.

PERTEMUAN

Semasa berada di-negeri ini, Inche Sim telah mengadakan pertemuan dengan Pegawai2 di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, berkenaan dengan Ranchangan2 B.B.C. London yang Radio Brunei sentiasa menyiarkan.

Inche Sim telah berlepas ka-Jesselton dengan kapal terbang pada hari Isnin 2 Desember.

PEPEREKSAAN2 DARJAH2 TINGGI UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Seramai 1,074 orang murid2 di-jangka memasuki Peperiksaan2 Darjah2 Tinggi UGAMA, ia-itu Darjah2 Empat, Lima dan Enam, di-seluruh Negeri Brunei selama 3 hari mulai dari 9 Desember.

Demikian menurut keterangan Penyusun dan Pengelola Sekolah2 UGAMA, Sa-Negeri Brunei, Tuan Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan dalam satu wawancara di-antara beliau dengan sa-orang Wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Menurut penerangan Tuan Haji Abdul Kadir, Peperiksaan2 Darjah2 Rendah UGAMA di-seluruh Negeri Brunei, telah pun selesai di-adakan selama tiga hari dari 24 November yang lalu.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, beberapa orang Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei dan Pegawai2 Kerajaan ia-lah di-antara ramai orang yang hadir di-majlis tersebut.

Bekalan ayer yang julung2 kali dapat di-nikmati oleh seluruh anak2 Kampung Teraban telah mula di-usahakan sejak dalam bulan November tahun lepas. Usaha tersebut telah memakan belanja sa-banyak \$65,000.00.

Kampung tersebut ada-lah mengandungi sa-banyak 99 buah rumah dengan penduduk2-nya sa-ramai 500 orang.

Bekalan ayer itu di-buat dengan memakai saluran paip yang di-seberangkan di-bawah per-


mukan Sungai Kuala Belait dari Pekan Kuala Belait. Lebar sungai itu ia-lah kira2 10 rantai.

Sa-lain dari 9 kepala2 paip yang di-tempatkan di-sepanjang jalan2 yang melalui kampung itu ada juga antara anak2 kampung mempunyai paip bersendirian dengan menaikkan-nya ka-rumah2 mereka.

Sa-banyak 10 buah kepala paip untuk kegunaan bomba juga telah di-pasang tidak berjauhan dengan kepala2 paip di-sepanjang jalan tersebut.

Dengan ada-nya bekalan ayer yang sempurna di-kampung itu, maka terhindar-lah anak2 kampung dari kerap kali kekurangan ayer minum, istimewa pula pada musim kemarau.

Dahulu-nya penduduk2 di-sini hanya berharap beka'an ayer hujan untuk di-gunakan bagi masak-memasak dan mencuci pakaian. Mereka terpaksa-lah berkayoh menyeberangi sungai itu untuk mendapatkan bekalan ayer di-Pekan Kuala Belait pada masa hujan tidak turun.



Satu pemandangan Kampung Sungai Teraban, Daerah Belait. Dalam gambar ini kelihatan sa-buah paip bekalan ayer yang baharu di-bena di-kampung itu.

Jurutulis Parlimen Inggeris Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang Jurutulis Dewan Parlimen Inggeris, Inche Charles Gordon telah melawat ka-Negeri Brunei dalam bulan November yang lalu.

Inche Gordon berkata kepada sa-orang Wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei bahawa tujuan lawatan-nya ka-Negeri Brunei ia-lah untuk mengetahui perkara2 yang Dewan Parlimen Inggeris dapat memberikan kepada Majlis Meshuarat Negeri Brunei.

Seterus-nya beliau berkata bahawa kemudahan2 latehan untuk kakitangan2 Majlis2 Meshuarat Negara2 Komonwealth boleh didapati di-London.

Inche Gordon menerangkan lagi bahawa beliau telah melawat ka-Kuala Lumpur sa-belum melawat ka-Negeri Brunei.

Pada masa lawatan-nya ka-Kuala Lumpur, tegas-nya, beliau telah menghadihkan sa-buah Kerusi Speaker bagi pihak Dewan Parlimen Inggeris kepada Dewan Parlimen Malaysia.

Ka-Manila

BERAKAS. — Pegawai Kesehatan Brunei, Doktor Francisco Mayor telah berlepas ka-Manila dengan kapal terbang dari Brunei pada petang 25 November untuk menghadiri Persidangan Menchegah dan Mengawal Penyakit Yang Berjangkit.

Persidangan tersebut di-adakan di-bawah anjoran Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia mulai daripada 2 Desember hingga ka-13 Desember.

Malam Seni Dan Budaya Maktab S.O.A.S. Dan S.T.P.R.I.

BANDAR BRUNEI. — Badan Seni dan Budaya Kebangsaan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei akan mempersembahkan "Malam Seni dan Budaya" di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam 13 dan 14 Desember, untuk mengutip derma Badan Seni dan Budaya tersebut dan juga sa-bagai satu acara sambutan Penggal Akhir Persekolahan tahun ini.

Malam Seni dan Budaya Kebangsaan tersebut akan merupakan satu persembahan istimewa yang di-usahakan oleh penuntut2 Maktab S.O.A.S. dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

"CHINCHIN BELAH ROTAN"

Di-antara acara2 yang akan di-persembahkan di-temasha tersebut ia-lah sa-buah Drama Masyarakat bertajuk "Chinchin Belah Rotan", ia-itu hasil karya Inche Abdul Rashid Aziz, sa-orang Pendaras Bahasa Melayu di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Sa-lain dari itu nyanyian2 suka-ramai, tarian2 berchorak kebudayaan berbagai2 bangsa,

lawak jenaka dan lain2 acara akan di-persembahkan di-temasha tersebut.

Persembahan untuk malam pertama, ia-itu malam 13 Desember di-khaskan untuk kanak2 sekolah di-seluruh Negeri Brunei. Temasha itu di-mulai pada pukul 7 malam.

Bayaran masuk untuk menonton temasha tersebut pada malam 13 Desember ia-lah lima puluh sen bagi sa-orang kanak2 sekolah.

Pada malam 14 Desember kapada orang ramai dan di-mulai pada pukul 7.30 malam. Bayaran2 tiket untuk menonton temasha itu pada malam 14 Desember ia-lah Kelas Khas \$1.50

dan Kelas Satu \$1 bagi sa-orang.

Tiket2 tersebut boleh-lah didapati daripada Bendahari Badan Seni dan Budaya Kebangsaan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Inche M. Shariff Naweh d/a Pejabat Pengetua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin bila2 masa hari bekerja atau pun daripada murid2 Maktab S.O.A.S. dan S.T.P.R.I. yang akan menjual tiket2 itu di-menera2 tempat.

Ka-Singapura

BERAKAS. — Pegawai Kewangan Negeri Brunei, Yang Berhormat Inche John Lee telah berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang dari Brunei pada petang hari Selasa 26 November, 1963 untuk menghadiri Persidangan Lembaga Pengarah Sharikat Penerbangan Borneo Berhad.

Persidangan itu telah di-adakan di-Singapura pada hari Rabu 27 November.

KERJA-KERJA KOSONG

Pemohonan2 ada-lah di-pela-wa untuk memenohi jawatan ko-song sa-bagai Pembantu Rancha-ngan Grade III (Bahagian Mela-nyu) dalam Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah lulus seku-rang2-nya Form III Sekolah In-ggris dan Darjah V Sekolah Me-layu.

Suara 'microphone' yang baik ada-lah di-perlukan:

Chalon2 akan di-uji dalam perkara2 yang berikut:—

(a) Menulis satu ranchana pendek mengenai satu perkara pokok perbicharaan yang ter-tentu;

(b) Menyunting dan menyem-bahkan-nya sa-bagai pensharah yang mahir;

(c) Menjalani satu ujian sa-bagai juruhebah, pembacha war-ta berita dan pelakun;

(d) Mengambil ujian pengeta-huan 'am yang berdasarkan seni musik, sama ada lagu2 kelasik atau ringan, berita2 tempatan dan dunia, sukan, buku2 dan pe-nulis2, politik dan ekonomi.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$211-220x10-260-280-290-310-330/350-370-380x20-560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan: Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrek sa-lama tiga tahun termasuk-lah 6 bulan masa perchubaan. Chalon yang terdiri dari ra'ayat Sultan akan di-beri jawatan tetap.

Baksis: Chalon yang di-lan-tek sa-chara berkontrek akan di-

bayar baksis sa-banyak 12½% gaji-nya bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 daripada Pega-wai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2

dengan satu Penyata Perkhidma-tan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pega-wai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 9 Desem-ber, 1963.

PEGAWAI JANGKA PENDEK ASKAR MELAYU BRUNEI

Pemohonan2 ada-lah di-jem-pu untuk berkhidmat sabagai Pegawai Jangka Pendek ("Short Service Commissioned Officer") di-perkhidmatan Askar Melayu Brunei.

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki menjalankan latehan sabagai Pegawai2 Kadet ("Officer Cadets") di-Maktab Tentera Persekutuan di-Sungai Besi, Malaysia selama enam bulan.

Pemohon2 mesti-lah mempun-yai kelayakan saperti berikut:—

1. Sa-orang pemohon mesti-lah orang yang di-peranakan dalam Negeri Brunei dan biasa-nya di-terima sabagai keturunan dari salah satu puak jati yang berikut dari Bangsa Melayu ia-itu Belai, Bisaya, Brunei, Dusun, Ke-dayan, Murut atau Tutong.

2. Jika dia bukan bangsa Melayu jati, dia beragama Islam mengikut adat istiadat Melayu sabagai mana yang di-amalkan dalam Negeri Brunei dan ia-nya sa-orang Ra'ayat Sultan dengan kuat kuasa sebarang Undang2

bertulis mengenai Kera'ayatan.

Umor — Di-antara 17½ — 21 tahun pada 1 January, 1963.

Darjah Kesehatan — Mesti-lah di-akui sehat untuk berkhid-mat dalam tentera.

Tinggi — tidak kurang dari 5 kaki, 2 inchi.

Berat Badan — tidak kurang dari 105 pound.

Pelajaran — Mesti-lah mem-punyai Sijil Persekolahan Sebe-rang Laut Bahagian II dengan mempunyai kelulusan (pass) Inggeris. Sijil G.C.E. atau kelu-lusan yang sama taraf-nya.

Perkara2 mengenai gaji dan a'aun, sharat2 dan peratoran2 perkhidmatan dan lain2-nya, boleh di-perolehi daripada Pega-wai Perhubungan Tentera di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pega-wai tersebut mesti-lah di-kem-balikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 21 Desember, 1963.

Duta Besar Jepun Mengadap D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Duta Besar Negeri Jepun ka-Malaysia, Inche Wataru Okuma telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana pada pagi hari Juma'at 22 November.

Inche Okuma telah tiba di-Bru-nei pada petang hari Khamis 21 November dalam bidang lawa-tan-nya ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah.

Beliau berkata kepada sa-orang Wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei sa-jurus sa-belum beliau berle-ka-Jesselon dengan kapal bang pada petang hari Juma'at 22 November, bahawa beliau akan menyusun semua usaha Ke-rajaan-nya untuk memulehkan sa-mula keamanan dan perdamai-an antara Negara2 Maphilindo.

RANCHANGAN PEMBENAAN PERIGI2

TEMBURONG. — Kerajaan Brunei telah meluluskan suatu Ranchangan Pembenaan Perigi2 Ayer Minum bagi kawasan luar Bandar Dearah Temburong.

Pembenaan perigi2 ayer minum tersebut akan memakan perbe-lanjaan sa-banyak empat puluh tiga ribu dua ratus ringgit.

Ranchangan tersebut akan usahakan dengan sa-beberapa gera di-bawah kelolaan Pegawai Daerah Temburong, Inche Mat-noor Mcafee.

Perigi2 ayer minum itu akan dapat memberikan bekalan ayer minum yang sempurna kepada penduduk2 di-Daerah Tembu-rong satelah siap pembenaan-nya pada masa hadapan kelak.

Berlateh Di-K. L.

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh orang pemuda telah di-pileh baharu2 ini untuk berkhid-mat dalam Pasokan Pulis Negeri Brunei.

Pelateh2 Pulis yang baharu itu telah belayar dari Brunei ka-Singapura melalui Labuan pada hari Isnin 25 November dalam perjalanan mereka ka-Kuala Lumpur.

Mereka akan berlateh sa-lama kira2 delapan atau sembilan bu-lan di-Pusat Latehan Pulis Di-Raja Malaysia, Kuala Lumpur.

Pemangku Timbalan Pesuroh-jaya Pulis Negeri Brunei, Pen-giran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid ia-lah di-antara ramai orang yang telah menguchapkan "Selamat Bela-yar" kepada Pelateh2 Pulis itu.

PERSATUAN BELIA MEMPERBAIKI

"Semangat Persahabatan"

KUALA BELAIT. — Persatuan Belia ia-lah satu pertubohan anak2 muda yang kebanyakan daripada mereka berumur di-antara 12 dan 30 tahun yang mana telah di-akui oleh pehak Kerajaan. Demikian kata Pengelola Ranchangan Belia, Daerah Belait Inche Harun Kamal bin Endot.

PEGAWAI2 P. K. S. D. MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Pengarah bagi Kawasan Pacific, Pertubohan Ke-sehatan Sa-Dunia, Doktor I. C. Fung telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Manila pada hari Isnin 25 November, 1963 da-lam bidang lawatan-nya ka-nege-ri2 di-Kawasan Barat Pacific.

Sa-masa berada di-Brunei, Doktor Fung telah mengadakan perbincangan dengan Pegawai2 Kerajaan Brunei berkenaan de-ngan perkara bantuan Pertuboh-an Kesehatan Sa-Dunia kepada negeri ini terhadap penyakit de-mam malaria.

Doktor Fung telah tiba di-Bru-nei bersama2 dengan Doktor W.W. Yung, sa-orang Wakil Per-tubohan Kesehatan Sa-Dunia di-Singapura.

Beliau telah memberikan ucha-pan tersebut di-majlis penubohan Kelab Belia Kuala Belait di-bang-un Sekolah China Chung Hwa, Kuala Belait pada petang hari Ahad 17 November.

Dalam ucapan-nya itu, Inche Harun berkata bahawa tujuan penubohan Persatuan Belia itu ia-lah un-to-k menyatukan pe-muda dan pemuda di-mukim Kuala Belait dengan tidak mengi-ra bangsa dan U gama.

Persatuan itu akan memper-baiki "Semangat Persahabatan" dan bersafahaman di-antara ahli2 persatuan itu supaya dapat-lah :

☆ Mengajar dan menanam "Semangat Kaseh Sayang dan Ta'at Setia" kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda.

☆ Memperbaiki jiwa raga, gerak badan, rohani dan jas-mani serta meninggikan akh-lak ahli2-nya.

☆ Menggalakkan pemuda

pemudi bertanggung jawab di-dalam hal ehwal sivik dan ma-sharakat.

☆ Menolong dan mengga-lakkan pemuda pemudi men-chari jalan supaya dapat me-reka mengambil bahagian yang berguna di-dalam masyarakat saperti penghiboran, pelajaran, latehan2 kerja2 kemashara-katan dan lain2-nya.

Selanjut-nya Inche Harun me-negaskan bahawa Persatuan Belia itu tidak berchorak siasah dan tidak akan bergabung dengan pertubohan2 siasah atau pun bergabong dengan badan2 yang ada perhubungan-nya dengan siasah serta tidak-lah berdasarkan per-kauman atau keugamaan.

Latehan Menembak

TUTONG. — Anggota2 Paso-ran2 Tentera di-Negeri Brunei telah mengadakan latehan me-nembak di-kawasan Pantai Tu-tong, di-antara kawasan pantai Istana Pantai dan Kuala Sungai Pengasing dalam bulan November yang lalu.

Latehan menembak itu telah di-adakan sa-lama tiga hari mulai dari hari Isnin 25 November hi-ngga ka-hari Rabu 27 November.



Pemain2 yang telah mengambil bahagian dalam perlawanan akhir bola tampar antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei kelihatan dalam gambar ini bergambar ramai dengan Pegawai2 perlawanan tersebut sa-belum perlawanan itu di-langsungkan di-Padang Sekolah Melayu Lela Menchanai, pada petang 24 November.

PERLAWANAN AKHIR BOLA TAMPAR SEKOLAH2 MELAYU

Johan—Sekolah Melayu S.M.J.A.

Naib Johan — S.M.S.H.

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei, Johan Bahagian Brunei Satu telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Johan Bahagian Temburong dalam perlawanan akhir bola tampar antara murid2 lelaki Sekolah2 Melayu saluroh Negeri Brunei dengan 20-23, 21-13 dan 21-14 mata.

Perlawanan tersebut telah di-langsungkan di-padang Sekolah Melayu Lela Menchanai, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 24 November, 1963.

Dalam pusingan pertama Sekolah Melayu Sultan Hassan telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dengan 23 mata berbalas 20 mata dengan mengambil masa 22 minit.

Dalam pusingan kedua Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam pula telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan

Hassan dengan 21 mata berbalas 13 mata. Masa yang di-perolehi dalam pusingan tersebut ia-lah 17 minit.

Dengan itu kedua2 pasukan telah berolehi seri, ia-itu Sekolah Melayu Sultan Hassan menang pusingan pertama dan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam menang pusingan yang ke-dua.

Dalam pusingan untuk menentukan kejohanan, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan dengan 21 mata berbalas 14 mata. Perlawanan tersebut telah di-habiskan dalam tempoh 15 minit sahaja.

Sa-baik sahaja selesai perlawanan itu, Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan "Perisai Pengiran Haji Abdul Rahman" kepada johan perlawanan tersebut — Pasokan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Beliau juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pemain2 Pasokan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dan pemain2 Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

S.M.A.T. Akan Melawan S. M. Sengkurong

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, johan perlawanan bola jaring antara murid2 perempuan Sekolah2 Melayu Bahagian Belait akan melawan Sekolah Melayu Sengkurong, johan perlawanan bola jaring antara murid2 perempuan Sekolah2 Melayu, Bahagian Brunei Dua dalam perlawanan akhir bola jaring untuk merebutkan gelaran kejohanan bagi saluroh Negeri Brunei.

Perlawanan tersebut akan di-adakan sedikit hari lagi, mungkin

sa-belum kelepaan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei dalam bulan ini.

Kedua pasukan tersebut telah berjaya memasuki perlawanan akhir bola jaring sa-lepas di-adakan perlawanan2 perengkat suku akhir dan perengkat sa-paroh akhir di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Juma'at 29 November yang lalu.

Perlawanan akhir itu telah tidak dapat di-langsungkan pada petang hari tersebut oleh kerana hujan lebat telah menchorah turun dengan tidak berhenti2.

Sekolah2 yang telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Sekolah Melayu Muda Hashim, johan Bahagian Tutong.

Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, johan Bahagian Brunei Satu.

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, johan Bahagian Belait.

Sekolah Melayu Sultan Hassan, johan Bahagian Temburong.

Sekolah Melayu Sengkurong, johan Bahagian Brunei Dua.

PERLAWANAN SUKU AKHIR

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin telah mengalahkan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dengan 22 mata berbalas 2 mata.

PERLAWANAN SA-PAROH AKHIR

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin telah mengalahkan Sekolah Melayu Muda Hashim dengan 14 mata tidak berbalas.

Sekolah Melayu Sengkurong telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan dengan 9 mata berbalas 6 mata.

PERLAWANAN AKHIR

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin akan melawan Sekolah Melayu Sengkurong sedikit hari lagi.



Satu pemandangan perlawanan bola jaring murid2 perempuan Sekolah Melayu di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 29 November.

PERLAWANAN BOLA JARING BAHAGIAN BRUNEI DUA

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Sengkurong telah mengalahkan Sekolah Melayu Angrek Desa dengan 10 mata berbalas 5 mata dalam perlawanan akhir bola jaring antara murid2 perempuan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua

Perlawanan tersebut telah di-adakan di-kawasan Padang Besar, Bandar Brunei pada petang 21 November.

Ramai peminat2 permainan bola jaring telah menyaksikan perlawanan tersebut.

Semua-nya delapan buah pasukan telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Sekolah2 tersebut ia-lah Seko-

lah Melayu Delima Satu, Berakas; Sekolah Melayu Angrek Desa, Berakas; Sekolah Melayu Sungai Hanching; Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara; Sekolah Melayu Pengkalan Batu; Sekolah Melayu Sengkurong; Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut dan Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas.

PERLAWANAN AKHIR TENNIS

SERIA. — Barnabas Chia telah mengalahkan abang-nya Clement Chia dalam perlawanan akhir tennis untuk merebutkan Piala Perak John Soon dengan 8-6 dan 6-4 mata.

Perlawanan tersebut telah di-langsungkan di-kawasan tennis Shell Recreation Club, Seria baharu2 ini.

PERTANDINGAN TINJU

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan tinju untuk merebutkan gelaran kejohanan bagi saluroh Negeri Brunei akan di-langsungkan di-Bandar Brunei pada malam 7 Desember.

Pertandingan tersebut akan di-adakan di-pentas Pancharagam Pulis, tidak jauh dari Rumah Tumpangan Kerajaan, mulai pada pukul 7.30 malam.

Bayaran untuk menonton pertandingan tinju itu ia-lah: Kelas Khas — dua ringgit dan Kelas Satu — satu ringgit.

Inche Nainabahadur Rai Di-Kurniai Pingat Tentara

LONDON. — Inche Nainabahadur Rai, sa-orang anggota tentera dari Ketumbukan ke-2, Duke of Edinburgh's Own Gurkha Rifles yang ke-7, yang telah berkhidmat di-Brunei pada awal tahun ini telah terpilih menjadi "Man of the Year".

Beliau telah di-kurniai "Pingat Tentara" atau "Military Medal" dalam satu jamuan makan tengahari di-Savoy Hotel, di-London kerana keperwiraan-nya di-Brunei.

Inche Nainabahadur Rai telah menembak dan menawan Ketua Agong Penderhaka Brunei, Jassin Affandy, dalam satu gerakan kapondok persembunyian penderhaka itu dalam bulan Mei yang lalu tidak jauh dari Bandar Brunei.

Pada waktu serangan itu juga Inche Nainabahadur Rai telah menembak dua orang penderhaka yang lain dan telah melukakan penderhaka yang ke-empat.

Lantekan beliau menjadi "Man of the Year" itu telah dibuat oleh Setia Usaha Angkatan Bersenjata.

Bersama2 beliau menerima gelaran itu ia-lah dua orang lagi ia itu Lieutenant-Commander Anson, sa-orang test pilot, kerana keberanian dan kejayaan-nya yang luar biasa; dan Sergeant Eric Smith kerana keberanian-nya dalam gerakan menyelamat-

kan nyawa dengan helikopter.

Upacara mengadakan gelaran "Man of the Year" ini di-lakukan pada tiap2 tahun kerana mengutip derma untuk orang2 yang cedera atau chela.



Inche Nainabahadur Rai kelihatan di-sa-belah kiri pada masa beliau menghadhiri satu majlis jamuan di-Savoy Hotel, London sa-bagaimana di-beritakan di-muka ini. Di-tengah ia-lah Lieutenant Commander Anson dan di-sa-belah kanan ia-lah Sergeant Eric Smith. — Gambar Central Office of Information, London.

TEMASHA "GEMBIRA RIA" ANJORAN RADIO BRUNEI BAHAGIAN MELAYU

KUALA BELAIT. — Radio Brunei, Bahagian Melayu telah mempersembahkan temasha "Gembira Ria" di-dewan Bilek Bachaan, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Kuala Belait pada malam 1 Desember.

Ramai para penonton dari berbagai2 bangsa telah menyaksikan temasha tersebut.

Seniman2 dan Seniwati2 Melayu dari Singapura yang pada masa ini sedang mengunjongi Negeri Brunei telah bekerjasama untuk menjayakan temasha tersebut dengan memperdengarkan suara2 mereka yang lemak mer-

du dan juga mempersembahkan lakonan2 jenaka mereka yang istimewa.

Sa-lain dari itu, Johan2 Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1962 — M.S. Bakri dan Dayangku Iring serta Johan2 Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1963 — M. Noordin dan Julia Chee telah menyanyikan beberapa buah lagu di-temasha tersebut.

Peraduan Dugaan Akal telah juga di-adakan di-temasha itu dibawah pimpinan Seniman Zaini Satar.

Hiasan musik telah di-selenggarakan di-temasha itu oleh Pancha Kirana Orkest di-bawa1 pimpinan Bujang Johari di Pancharagam Lima Serangkai dari Singapura di-bawah pimpinan Abdul Hadi Haji Noor.

Forum Bahasa

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei telah mengadakan satu Forum Bahasa dan Sastera bertempat di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada petang 29 November.

Inche Ibrahim bin Abdullah telah memimpin majlis tersebut. Ramai ahli2 Persatuan Astera-wani dan peminat Bahasa Melayu telah hadir di-majlis itu, sungguh pun hujan lebat tel turun pada masa di-adakan majlis tersebut.

Tujuan di-adakan Forum Bahasa itu ia-lah untuk membincangkan masa'alah2 yang bersangkutan paut dengan perkembangan Bahasa dan Sastera di-Brunei disamping menggalakkan Penulis2 dan Pengarang2 tempatan bergerak lebeh maju lagi di-alam penulisan.

Cheramah2 telah di-berikan oleh Inche Ibrahim bin Mohamed Said, Inche Emran bin Haris dan Awangku Sabtu bin Pengiran Mohamed Salleh.

MALAM PERPISAHAN MAKTAB PERGURUAN

BERAKAS. — Satu temasha Malam Perpisahan Penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei akan di-adakan di-bangunan Maktab Perguruan Melayu Brunei pada malam 15 Desember.

Berbagai2 achara akan di-adakan di-temasha itu, di-antara-nya ia-lah nyanyian2, tarian2, lawak jenaka, tablo dan lain2-nya.

Pada siang hari tersebut Maktab Perguruan Melayu Brunei akan mengadakan satu majlis untuk menyampaikan Sijil2 kepada penuntut2 maktab tersebut yang telah tamat belajar dalam Tahun 1961 dan Tahun 1962.

'Amboi Nyaman-nya Makanan Ani!'



Persatuan Belia Anglian Bandar Brunei telah mengadakan satu temasha Pasar Gembira di-Sekolah Misi Saint Andrews, Bandar Brunei pada hari Juma'at 29 November untuk membantu Derma Bangunan Sekolah tersebut. Dalam gambar ini kelihatan beberapa orang sedang menikmati makanan di-sa-buah gerai di-temasha Pasar Gembira itu.



Perlawanan2 Suku Akhir dan Sa-paroh Akhir Bola Jaring antara murid2 perempuan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei telah di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang 29 November. Gambar ini telah di-ambil sa-belum perlawanan2 itu di-langsungkan. Pegawai2 dan Pengadil2 per-lawanan2 tersebut kelihatan dengan tersenyum dalam gambar ini. Berita perlawanan2 tersebut ada-lah di-siarkan di-muka 7.